

Adunan gerak penuh seni dan disiplin

BERKAK SILAT

UMUM mengetahui, seni silat adalah satu adunan gerak atau langkah yang mempamerkan satu daya cipta seni yang halus. Gerak yang penuh dengan keindahan itu memperlihatkan ciri-ciri budaya Melayu yang penuh dengan kesopanan. Semua ini terdapat dalam seni Silat Sendeng Asli, Pahang.

Menurut Haji Ismail bin Haji Ali, guru seni Silat Sendeng Asli Pahang, bahawa Silat Sendeng berasal dari Paya Kumbuh Minangkabau, Sumatra. Kerana hampir lapan puluh tahun bertapak di negeri Pahang, maka silat ini lebih dikenali sebagai seni Silat Sendeng Asli Pahang.

27 AUG 1983

Menceritakan asal usul silat ini, adalah sesuatu yang amat menarik. Silat Sendeng tercipta hasil dari pengkajian yang mendalam sejak beratus atau beribu tahun yang lalu. Ia bukanlah satu ciptaan baru.

Dari 'kepakaan' dua beradik, yang meneliti atau menghayati ketangkasan, kepintaran, kecekapan, panglima-panglima perang di zaman dahulu menyebabkan dua beradik itu berfikir bagaimana seseorang itu boleh tangkas, cepat dan pantas.

Dengan semangat ingin tahu, serta usaha yang kuat dan rajin, maka kedua beradik itu pun mempraktikkan langkah dan gerak. Tanpa mengenal erti malas, kedua beradik terus berusaha di samping membuat kajian dan latihan. Atas daya usaha yang ber-sungguh-sungguh serta daya kreatif lahiriah gerak atau langkah yang dinamakan sendeng.

Jelas menunjukkan bahawa silat sendeng lahir dari kekuatan tiga aspek di atas. Justru itu tidaklah menghairankan kita bahawa bangsa Melayu di satu ketika yang lalu adalah satu bangsa yang kuat bekerja atau berusaha, punya disiplin dan daya kreatif. Kerana itulah orang Melayu di zaman silam adalah pedagang yang terkenal di nusantara.

Oleh
NOR ARIPIB IBRAHIM

"Sebab itulah saya ingin sekali memperkembang silat ini yang mana ianya sejajar dengan inspirasi kerajaan sekarang. Iaitu menyeru bangsa kita supaya tekun, rajin dan berusaha," jelas Haji Ismail.

Menyentuh kembali Silat Sendeng, "kerana kesungguhan kedua beradik itu dalam menjalankan latihan amali, maka suatu hari ia diilhamkan dengan sesuatu yang lebih mencabar dan lebih besar.

Kedua beradik itu, pergi ke satu tempat yang diilhamkan. Di situ mereka melihat seekuntum bunga dalam sebuah kolam. Anahnya bunga yang indah itu berpusing dengan ligat tanpa henti. Kedapatan air terjun yang menajah kelopak bunga itu, kedua beradik itu memikirkan, "kenapa bunga itu tidak musnah pada hal ia direjah oleh air terjun yang beribu-ribu kaki di atas."

Keajaiban itu membuatkan kedua beradik terus berfikir dan mengkaji lagi. Berminggu dan berbulan mengkaji dan meneliti akan keindahan alam itu. Dengan kehalusan pemikiran, mereka menyimpulkan bahawa seni itu adalah sesuatu yang indah. Yang indah ciptaannya. Dari 'kepakaan' mereka, menginsafkan bahawa Tuhan sahaja yang boleh menciptakan keindahan yang amat indah.

Dari titik itu, keajaiban bunga dan air terjun mulanya berterap 'ilmu kebatinan' di dalam Silat Sendeng Asli. Di situlah ia bermula setelah berpuh tahun menjalankan latihan jasmani.

"Ilmu kebatinan di dalam Silat Sendeng Asli, bukan boleh dijual beli, atau diajarkan sewenang-wenangnya. Ia memerlukan seperti mana gigihnya dua beradik itu melakukan," tegas Haji Ismail.